

Aspects of Dakwah in Drama Script Tangan-tangan Yang Tinggal

Shamsudin Othman¹, Nur Afifah Vanitha Abdullah², Wan Muhammad Nor Iman Baharin³

¹Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysian, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia, ^{2,3}Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia,

43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email: s_shamsudin@upm.edu.my

To Link this Article: <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v13-i12/20377>

DOI:10.6007/IJARBSS/v13-i12/20377

Published Date: 27 December 2023

Abstrak

Skrip *Tangan-tangan Yang Tinggal* oleh Siti Jasmina Ibrahim telah memenangi Anugerah Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2015 bagi kategori drama. Skrip ini mengangkat tema Islam dan persoalan utama drama ini berkisar sekitar isu pengganti Tok Guru iaitu Ustaz Haji Al-Rashid. Pergolakan dalam masyarakat yang dipaparkan dalam skrip ini adalah memilih pemimpin baharu Wakaf Pemuda, iaitu antara anak kandung (Sali) ataupun anak didik (Waris) Tok Guru (Waris). Pelbagai perkara berkaitan dengan akidah masyarakat Muslim disampaikan melalui skrip ini. Oleh yang demikian, objektif artikel ini bertujuan menghuraikan aspek akidah yang disampaikan dalam skrip *Tangan-tangan Yang Tinggal* dengan mengaplikasi aspek Pendekatan Dakwah dalam teori Pengkaedahan Melayu yang dipelopori oleh Hashim Awang. Metodologi yang digunakan bagi memperolehi data adalah melalui kajian jenis asas, yang dirangka dengan kaedah kualitatif. Kaedah perpustakaan dipilih sebagai instrumen kajian utama bagi meneliti buku-buku, artikel jurnal, dan tesis yang lepas. Dapatkan kajian yang dirakamkan dalam artikel ini adalah, penulis banyak mengetengahkan mesej dakwah berhubung aspek akidah melalui skrip ini bersandarkan ajaran dalam *Al-Quran*. Aspek-aspek dakwah yang dipaparkan dalam skrip ini adalah keyakinan yang teguh terhadap kewujudan, keesaan dan kekuasaan Allah, dosa besar mensyirikkan Allah, serta keyakinan dan kepercayaan umat Islam berlandaskan *Al-Quran* dan As-Sunnah.

Kata Kunci: Drama Melayu, Kritikan Drama, Tangan-tangan Yang Tinggal, Teori Pengkaedahan Melayu.

Abstract

Tangan-tangan Yang Tinggal by Siti Jasmina Ibrahim won the Malaysian Premier Literary Prize Award 2015 for the drama category. This play carries an Islamic theme and its main argument revolves around the successor of an Islamic school after the passing of the Tok Guru Ustaz Haji Al-Rashid. The turmoil in the community is to choose their new leader of Wakaf Pemuda,

which is between the late Tok Gurus' son (Sali) or his student (Waris). Various matters related to the faith of a Muslim is portrayed in this play. Therefore, the objective of this article is to examine and explain aspects of faith that is presented in this play by applying the Dakwah Approach in the Malay Methodology theory, pioneered by Hashim Awang. To attain the research objective, a fundamental research was designed, with qualitative research as the method, with library research as the main research instrument for examining past books, journal articles, and theses in finding answers to the objectives of this article. The findings of the study recorded in this article are that, the author highlights the message of da'wah regarding aspects of faith through this script based on the teachings in the Al-Quran. The aspects of da'wah portrayed in this script are a firm belief in the existence, oneness and power of Allah; the great sin of syirik; as well as Muslims' credence on the Al-Qur'an and As-Sunnah.

Keywords: Malay Drama, Drama Criticism, Tangan-tangan Yang Tinggal, Theory of Malay Methodology

Pengenalan

Siti Jasmina Ibrahim adalah penulis profesional yang telah banyak menghasilkan skrip drama pentas, telemovie, cerpen, puisi, senikata lagu dan novel (Asmah, 2014). *Tangan-tangan Yang Tinggal* adalah salah satu karya drama pentas Siti Jasmina Ibrahim dan telah memenangi anugerah Hadiah Sastera Perdana Malaysia pada tahun 2015 bagi kategori drama eceran (Asmah, 2021). Drama ini bertema Islam dalam memaparkan persoalan memilih pemimpin baharu bagi sebuah sekolah agama pondok yang dikenali dengan nama Wakaf Pemuda. Mesej utama skrip ini menjelaskan bahawa iman dan akidah dalam Islam bukan sesuatu yang dapat diwarisi secara langsung melalui keturunan.

Skrip *Tangan-tangan Yang Tinggal* memaparkan pergolakan sebuah masyarakat Melayu Islam dengan latar belakang agama yang diwarisi secara turun temurun. Kehidupan sebahagian ahli masyarakat yang digambarkan dalam skrip ini kurang mengamalkan ajaran Islam walaupun berpendidikan agama Islam secara formal. Kematian mengejut Tok Guru Ustaz Haji Al-Rashid menimbulkan isu penggantinya di Wakaf Pemuda. Isu pemilihan pemimpin baharu adalah antara anak kandung (Sali) atau anak didik (Waris) arwah Tok Guru. Pelbagai usaha dilakukan oleh Sali dan rakan-rakannya agar Waris hilang kewibawaan sebagai pengganti Tok Guru di Wakaf Pemuda. Hal ini menimbulkan pelbagai konflik dalam skrip ini yang berpunca daripada tindakan Sali. Antara konflik besar yang ditimbulkan oleh Sali adalah menyesatkan masyarakatnya dengan menyebarkan fahaman baharu dalam mengamalkan agama Islam.

Setakat ini, kajian terhadap skrip *Tangan-tangan Yang Tinggal* masih lagi terhad. Sehingga kini hanya terdapat satu kajian lepas yang mengangkat skrip *Tangan-tangan Yang Tinggal* sebagai subjek kajian. Penulisan lepas oleh Nik Noorafifah dan Nur Afifah Vanitha (2020), menghuraikan struktur dramatik skrip tersebut dengan mengaplikasi enam elemen skrip yang dikemukakan oleh Aristotle. Melalui artikel jurnal yang bertajuk *Struktur Dramatik "Tangan-tangan Yang Tinggal"* oleh Siti Jasmina et al. (2020) mengupas kekuatan skrip tersebut dari segi tema, perwatakan, plot, kekaguman, bahasa dan tempo. Dapatkan kajian ini bersandarkan kajian berbentuk fundamental dengan mengaplikasi kajian perpustakaan dan analisis kandungan sebagai instrumen kajian. Dapatkan kajian yang dirakamkan dalam artikel ini adalah, plot drama *Tangan-tangan Yang Tinggal* berbentuk linear. Skrip drama ini mengangkat tema Islamik dengan mesej iman dan ibadah yang betul dalam Islam bukan sesuatu yang boleh diwarisi secara automatik. Dapatkan kajian juga mendapati skrip drama ini menggunakan bahasa Melayu, Arab dan simbolik serta bahasa tidak formal. Elemen kekaguman pula terdapat set dan prop, kostum, kesan khas dan pencahayaan. Persamaan

antara kajian Nik Noorafifah dan Nur Afifah Vanitha (2020) dengan kajian ini secara umum adalah dari segi subjek kajian yang sama iaitu skrip *Tangan-tangan Yang Tinggal* karya Siti Jasmina Ibrahim. Sementara itu perbezaan antara kajian lepas tersebut dan artikel ini pula adalah dari segi objektif kajian, Nik Noorafifah dan Nur Afifah Vanitha (2020) mengupas kekuatan struktur dramatic skrip *Tangan-Tangan Yang Tinggal* sehingga menerima Anugerah sastera Perdana Malaysia 2015, manakala objektif makalah ini pula menghuraikan aspek akidah dalam subjek kajian. Sehubungan itu kerangka analisis bagi kajian Nik Noorafifah dan Nur Afifah Vanitha (2020) adalah enam elemen drama Aristotle yang juga berbeza dengan kerangka analisis artikel ini, iaitu dakwah dalam aspek akidah teori Pengkaedahan Melayu.

Metodologi

Kajian yang dilaksanakan ini menggunakan kaedah kajian kualitatif sepenuhnya. Kaedah perpustakaan merupakan instrumen kajian yang utama dengan meneliti buku-buku, artikel jurnal dan tesis. Selain itu bahan-bahan digital juga digunakan dalam kajian ini dalam mencari maklumat seperti latar belakang penulis skrip yang ingin dikaji iaitu Siti Jasmina Ibrahim. Justeru, bagi mencapai objektif kajian ini, maka kajian ini menggunakan pakai aspek akidah dalam Pendekatan Dakwah menerusi teori Pengkaedahan Melayu.

Kerangka Analisis

Hashim Awang (2002) membahagikan Teori Pengkaedahan Melayu kepada dua iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Namun, kajian ini hanya menggunakan Pengkaedahan Keagamaan sahaja. Pengkaedahan Keagamaan dapat ditakrifkan sebagai pendekatan yang berteraskan kepada keimanan dan ketakwaan dengan menjadikan Al-Quran dan Hadis sebagai bahan rujukan utama. Pengkaedahan ini terbahagi kepada tiga pendekatan iaitu Pendekatan Dakwah, Pendekatan Kemasyarakatan dan Pendekatan Seni.

Namun dalam kajian ini hanya menfokuskan pada Pendekatan Dakwah sahaja. Menurut Jumali Hj. Selamat (2009), Pendekatan Dakwah melihat sastera sebagai wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan atau ketaatan seorang insan kepada Allah. Pendekatan ini berfungsi ke arah memperkembangkan keunggulan Islam melalui nilai kemurnian dan keistimewaan Islam yang boleh menimbulkan daya tarikan serta memaparkan sifat-sifat kesucian dan kemurnian agama Islam. Karya akan dianalisis melalui tema, amanat serta watak yang mengarah kepada unsur-unsur penonjolan kebesaran Allah dan agama Islam. Terdapat tiga asas Pendekatan Dakwah iaitu akidah.

Menurut Ahmad Munawar Ismail dan Kamarul Azmi Jasmi (2016), akidah daripada perspektif Islam diibaratkan seperti tunjang bagi seohon pokok. Maka, jika kuat tunjangnya maka menjadi kuat juga seohon pokok. Begitu juga dengan seorang Muslim apabila akidahnya mantap maka kuat juga kekuatan diri sebagai seorang Muslim sehingga mampu menjadi seorang mukmin yang bertakwa, beramal soleh dan berakhhlak mulia. Dengan akidah akan membuatkan seseorang yakin bahawa Allah itu wujud. Dengan akidah juga keperibadian seseorang itu mengikut perilaku yang wajar kerana dipandu perintah dan keizinan Allah. Akidah merupakan satu simpulan yang kuat. Simpulan itu adalah keyakinan yang kukuh tanpa boleh digugat oleh syak atau keraguan. Menurut Ali Abdul Halim Mahmud (2017) di dalam kitab *Syarah Usul 20 Al Imam Hasan Al-Banna* menjelaskan bahawa Islam sangat menekankan kehadiran akidah dan prinsip yang meliputi unsur-unsur utama seluruh fenomena kehidupan.

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Kajian mendapati bahawa skrip *Tangan-tangan Yang Tinggal* sarat dengan aspek akidah. Aspek akidah yang ditonjolkan adalah menerusi watak dan perwatakan secara jelas oleh penulis skrip ini. Perbincangan dan analisis terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian pertama adalah keyakinan yang teguh terhadap kewujudan, keesaan dan kekuasaan Allah. Bahagian kedua pula adalah perbuatan mensyirikkan Allah. Manakala bahagian ketiga dan terakhir adalah keyakinan dan kepercayaan berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah (Ahmad Munawar & Kamarul Azmi, 2016).

Keyakinan Yang Teguh Terhadap Kewujudan, Keesaan Dan Kekuasaan Allah

Skrip *Tangan-tangan Yang Tinggal* karya Siti Jasmina Ibrahim banyak memaparkan aspek keyakinan yang teguh terhadap kewujudan, keesaan dan kekuasaan Allah. Secara keseluruhan, semua watak dalam skrip *Tangan-tangan Yang Tinggal* merupakan penganut agama Islam. Masyarakat ini telah mewarisi agama Islam mereka secara turun temurun tetapi majoriti masyarakatnya terdiri daripada ahlinya kurang mempraktikkan ajaran Islam mengikut Al-Quran dan Hadits. Namun begitu terdapat empat watak yang menunjukkan keyakinan yang teguh terhadap kewujudan, keesaan dan kekuasaan Allah secara jelas dan nyata dalam skrip *Tangan-tangan Yang Tinggal*. Daripada empat watak tersebut, ada yang menzhirkan keyakinan yang teguh terhadap kewujudan, keesaan dan kekuasaan Allah secara lisan, mahupun secara perbuatan. Tiada watak yang dapat dikenalpasti menzhirkan keyakinan yang teguh terhadap kewujudan, keesaan dan kekuasaan Allah melalui perbuatan semata-mata. Baki daripada empat watak yang terdapat dalam skrip *Tangan-tangan Yang Tinggal* tidak menunjukkan mengesakan Allah dengan zahir dan jelas.

Melalui Lisan

Penulis iaitu Siti Jasmina Ibrahim cuba untuk menonjolkan watak Wan Leh sebagai seorang individu yang mempunyai keimanan yang kuat yang setia berpegang teguh dengan ajaran Islam meskipun dia diseksa dan dipaksa untuk menafikan keesaan Allah. Situasi yang ditonjolkan oleh Siti Jasmina Ibrahim dalam skrip *Tangan-tangan Yang Tinggal* yang menunjukkan keimanan Wan Leh adalah ketika Wan Leh diculik oleh Sali dan pengikutnya. Penulis menggambarkan betapa teguhnya keimanan Wan Leh yang percaya dengan kekuasaan Allah ketika mana Wan Leh dipaksa untuk berhenti menyebut kalimah Allah serta berhenti mengakui Allah. Sali dan lelaki berjubah merah memaksa Wan Leh meminum sejenis air. Air tersebut membuatkan lidah Wan Leh menjadi keras untuk menyebut kalimah Allah. Namun begitu, watak Wan Leh di sini jelas membuktikan bahawa beliau mempunyai keimanan yang kuat dan berpegang teguh dengan kekuasaan Allah swt melalui lisannya. Maka dia tetap melawan perkara tersebut di dalam hati dengan menyebut "Allahuakbar". Hal ini jelas ditonjolkan melalui petikan skrip *Tangan-tangan Yang Tinggal* berikut;

WAN LEH: *Dia bagi aku minum air yang buatkan lidah aku keras menyebut kalimah Allah! Tapi aku lawan. Aku lawan dalam hati. Hati aku tak berhenti Allahuakbar! Allahuakbar!* (Siti Jasmina, 2020: 9)

Berdasarkan petikan skrip di atas jelas menunjukkan watak Wan Leh sentiasa menyebut kalimah Allah swt. Di situ terbukti bahawa keimanan seseorang yang sentiasa mengingati penciptanya iaitu Allah swt walaupun dalam keadaan darurat. Setiap manusia yang mengaku beriman akan diuji untuk membuktikan keimanannya. Bagi membuktikan watak Wan Leh seorang yang berpegang teguh dengan kekuasaan Allah, penulis menggambarkan keadaan

Wan Leh yang ditikam oleh Sali dan pengikut-pengikutnya di perut yang mengakibatkan dia bermandi darah. Wan Leh pada ketika itu berada dalam keadaan yang sangat lemah. Jika Wan Leh tidak mempunyai keimanan yang teguh terhadap Allah swt dan tidak mempercayai kekuasaan Allah swt, pasti pada ketika itu dia akan menurut sahaja apa yang diperkatakan oleh Sali dan pengikutnya termasuklah berhenti mengakui keesaan Allah serta berhenti menyebut kalimah Allah. Walau bagaimanapun, dia yakin tiada sebaik-baik pertolongan melainkan daripada Allah swt. Oleh itu dengan izin Allah, dia berjaya melarikan diri sebelum bertemu dengan rakan-rakannya yang lain iaitu Waris, Raof, dan Aman. Di sini terbukti bahawa pertolongan Allah akan datang bagi mereka yang meyakini-Nya.

Selain itu, watak Raof juga adalah antara watak lain yang dilihat mempunyai keimanan yang teguh terhadap Allah swt secara jelas melalui lisan. Contoh petikan skrip adalah seperti berikut:

WAN LEH : *Aku dapat lari. Sali dengan lelaki jubah merah tangkap aku. Seksa aku suruh aku berhenti kalimah. Berhenti mengakui Allah.*

RAOF : *Astarafirullahalazim! Apa kena mereka tu? (Siti Jasmina, 2020: 12)*

Siti Jasmina Ibrahim menggambarkan watak Raof yang mempunyai keimanan yang teguh terhadap Allah swt melalui petikan skrip di atas. Apabila mendengar sebarang berita buruk, lidah Raof terus menyebut kalimah Allah. Raof tidak melemparkan kata-kata hinaan maupun makian sebaik sahaja mendapat khabar buruk daripada rakannya. Bahkan perkataan pertama yang terpacul daripada mulutnya adalah perkataan “astaghfirullahalazim”. Kalimah Allah sentiasa basah meniti di bibir Raof. Hal ini membuktikan bahawa dia seorang yang sentiasa mengingati Allah walau dalam apa keadaan sekali pun.

Siti Jasmina Ibrahim turut menonjolkan aspek keyakinan yang teguh terhadap kekuasaan Allah menerusi lisan melalui watak Ibu Sufiah. Ibu Sufiah iaitu isteri kepada Ustaz Haji Al-Rashid dan ibu tiri kepada Sali menunjukkan bahawa dia meyakini kekuasaan Allah menerusi petikan skrip *Tangan-tangan Yang Tinggal*, iaitu;

Ibu Sufiah: *... ibu sedar, kasih sayang mereka lebih kuat buat arwah ibu kandungmu. Wanita solehah yang berpuluhan tahun membahagiakan kamu dan arwah. Tidak pernah ibu mengenali wanita semulia ibu kandungmu itu. Tidak mungkin tanpa izinnya, ibu akan diberkati dengan kasih sayangmu dan arwah ayahmu, Sali. Tanpa izin Allah swt takkan mungkin dibukakan hati jernih ibumu dan diberi rezeki nur iman ini, buat ibu juga. Sali! Bagaimana ibu mahu pulang kalau kamu tidak ada sama. Allah saja yang mengetahui sedihnya, takutnya, gementar hati ini apabila pohonan rendang yang meredupkan ibu dengan hati suci mengenal ilmu agama Islam yang satu ini, telah pergi... (Siti Jasmina, 2020: 10)*

Dalam petikan di atas, jelas menunjukkan Ibu Sufiah yakin bahawa hanya Allah sahaja yang memegang hati manusia. Walaupun isteri pertama Ustaz Haji Al-Rashid merupakan seorang yang baik dan tidak mungkin dapat diganti tempatnya oleh sesiapa pun, tetapi Ibu Sufiah yakin dengan kekuasaan Allah sahaja yang mampu membuka hati Ustaz Haji Al-Rashid untuk menerima seorang isteri. Siti Jasmina Ibrahim menggambarkan Ibu Sufiah sebagai seorang yang dulunya tiada pengetahuan agama sejak daripada kecil. Sebelum mengahwini Ustaz Haji Al-Rashid, Ibu Sufiah mempercayai material hanyalah segalanya dan kehidupan di dunia hanya akan terhenti apabila seseorang itu meninggal dunia. Ibu Sufiah juga meyakini bahawa perbuatan menipu, menindas sehingga membunuh demi mendapatkan kehendak dan kepuasan diri sendiri adalah satu cara yang mulia. Namun selepas dia bersuamikan Ustaz

Haji Al-Rashid, segalanya telah berubah. Ibu Sufiah kini lebih mempercayai dan meyakini kewujudan, keesaan dan kekuasaan Allah melebihi segala-galanya.

Siti Jasmina Ibrahim meletakkan nilai keimanan yang teguh terhadap Allah swt pada watak Ibu Sufiah dalam petikan di atas dengan menggambarkan bahawa Ibu Sufiah sedar dan faham kesedihan, kegelisahan dan ketakutan yang dirasainya hanya Allah sahaja yang tahu. Walaupun kewujudan Allah tidak mampu dilihat dengan mata kasar, tetapi ianya dapat dirasai melalui hati dalam diri orang yang beriman. Ibu Sufiah yakin bahawa Allah itu wujud dan Maha Mengetahui segala apa yang terkandung di dalam hati manusia. Ibu Sufiah yang baru sahaja kehilangan suaminya tetap kuat dan tabah dalam meneruskan kehidupan sebagai ibu tiri kepada Sali. Siti Jasmina Ibrahim menunjukkan watak Ibu Sufiah yang cuba untuk mendidik Sali dengan sebaik mungkin walaupun dirasakan telah berlawanan dengan apa yang pernah diajarkan oleh Ustaz Haji Al-Rashid. Dia sentiasa mengingatkan Sali untuk menjauhkan diri daripada terus terpengaruh dengan dakyah yang dibawa oleh lelaki-lelaki berjubah merah. Selain itu, penulis juga menggambarkan watak Ibu Sufiah sebagai seorang yang reda dengan ketentuan Allah. Baginya, ajal dan maut semuanya ketentuan Allah. Dia tidak mempercayai bahawa suaminya telah dibunuh oleh salah seorang daripada ahli Wakaf Pemuda. Hal ini dibuktikan melalui petikan skrip *Tangan-tangan Yang Tinggal* berikut;

Waris : *Dia tuduh saya bunuh Ustaz!*

Ibu sufiah: *Itukan ajal ketentuan Allah. Kenapa dituduhnya kamu?* (Siti Jasmina, 2020: 14)

Petikan ini menunjukkan bahawa Ibu Sufiah tidak mempercayai bahawa Waris membunuh suaminya meskipun yang membuat andaian tersebut adalah anaknya sendiri. Ibu Sufiah yakin bahawa kematian Ustaz Haji Al-Rashid merupakan ketentuan daripada Allah sejak di *lohmahfuz* lagi. Tuduhan yang diberi oleh anaknya itu baginya langsung tidak berasas. Ibu Sufiah meyakini bahawa setiap yang terjadi adalah dengan izin Allah dan Ibu Sufiah yakin bahawa dalam hal ini Waris tidak bersalah. Di sini jelas menunjukkan bahawa watak Ibu Sufiah dalam skrip *Tangan-tangan Yang Tinggal* merupakan seorang yang mempunyai keimanan yang teguh terhadap keesaan, kewujudan dan kekuasaan Allah swt dan dizahirkan melalui lisannya.

Melalui Lisan dan perbuatan

Siti Jasmina Ibrahim turut menonjolkan watak Waris yang mempunyai keyakinan yang teguh terhadap keesaan, kewujudan dan kekuasaan Allah melalui lisan dan perbuatan. Melalui skrip *Tangan-tangan Yang Tinggal*, Siti Jasmina Ibrahim menggambarkan satu keadaan yang membuktikan perkara tersebut apabila Waris dipaksa oleh Sali untuk melupakan segala apa yang diajarkan oleh bapa Sali iaitu Ustaz Haji Al-Rashid. Namun begitu, Waris tetap dengan pendiriannya untuk tidak memilih kebatilan walaupun dia telah ditumbuk dan disakiti. Waris lebih memilih untuk tetap di jalan Allah. Berikut merupakan contoh petikan skrip *Tangan-tangan Yang Tinggal*

SALI : *Ada hati nak tewaskan aku ya? Kau sangka aku lemah? Waris, aku boleh lepaskan kau dari keseksian ini. Syaratnya, kau nafikan segala apa yang abah aku ajarkan kepada kau! Nafikan setiap satu daripadanya. Nafikan ke semuanya!*

WARIS : *Kau memang jahillah Sali. Kau tak faham kekuatan kami demi menegakkan kebenaran. Aku tak takut dengan kau sebab aku lebih takutkan hukum Allah!* (Siti Jasmina, 2020:

15)

Dalam petikan di atas, Siti Jasmina Ibrahim cuba menunjukkan dua watak yang mempunyai perwatakan yang kontra antara satu sama lain. Watak Sali membawa peranan sebagai seorang yang tidak mempercayai kekuasaan dan keagungan Allah sementara watak Waris pula memainkan peranan sebagai seorang individu yang tidak mudah terpengaruh dengan unsur-unsur negatif dan mempunyai pendirian yang tetap iaitu tidak akan berpaling daripada kebenaran ajaran Islam yang sebenar.

Wajib ke atas setiap manusia yang beragama Islam untuk takut kepada Allah sahaja dan mempercayai bahawa setiap sesuatu perkara akan berlaku hanya jika diizinkan oleh Allah. Dalam petikan ini, Siti Jasmina Ibrahim memaparkan bahawa walaupun nyawa Waris berada di tangan Sali, tetapi dia tetap tidak takut kepada ugutan Sali untuk terus menyeksanya jika dia tidak menafikan ajaran Ustaz Haji Al-Rashid. Bahkan Waris dengan beraninya menyatakan dengan jelas melalui lisan bahawa dia tidak takut kepada Sali tetapi hanya takut kepada Allah sahaja. Di sini terbukti bahawa sifat jihad dalam menegakkan agama Islam yang ada dalam diri Waris sangat teguh dan dia sanggup mengorbankan nyawa berbanding mensyirikkan Allah dengan membenarkan segala ajaran dan fahaman baru yang dibawa oleh Sali. Jelas di sini menunjukkan bahawa watak Waris dalam skrip *Tangan-tangan Yang Tinggal* menzhirkan mengenai keesaan, kewujudan dan kekuasaan Allah melalui lisan dan perbuatannya.

Di akhir skrip *Tangan-tangan Yang Tinggal* ini, Siti Jasmina Ibrahim menggambarkan mengenai watak Sali yang pada mulanya terpesong daripada landasan Islam yang sebenar kini mulai kembali ke pangkal jalan. Contoh petikan adalah seperti berikut

SALI tidak hiraukan, dia cuba memanjat lambang bintang itu dia berjaya menarik sekutu hati lambang itu dengan kain yang menutupi kubah. SALI mengulang ucap 'Allah Maha Besar!' berulang-ulang kali... (Siti Jasmina, 2020: 17)

Petikan ini adalah mengenai Sali yang akhirnya insaf dan kembali kepada ajaran Islam yang sebenar. Tindakan yang dilakukan oleh Sali tersebut merangkumi secara lisan dan perbuatan dalam menzhirkan keyakinan terhadap kewujudan, keesaan dan kekuasaan Allah. Siti Jasmina Ibrahim membuat satu penutup dalam hasil karyanya *Tangan-tangan Yang Tinggal* mengenai watak yang terpesong daripada akidah Islam yang sebenar kembali mengesakan Allah selepas mendengar nasihat dan luahan hati daripada ibu tirinya, Ibu Sufiah. Di akhir skrip ini, Sali menyedari bahawa apa yang dia sedang lakukan sekarang adalah salah dan tidak benar. Sali mengambil tanggungjawab untuk memperbaiki semula segala apa yang telah dia mulakan. Akhirnya Sali kembali mengaku hanya Allah yang paling berkuasa dengan menyebut "Allah Maha Besar" berulang-ulang kali.

Dosa Besar Mensyirikkan Allah

Kewujudan Allah tidak dapat dilihat oleh pancaindera menyebabkan segelintir manusia meraguinya. Mensyirikkan Allah bermaksud menduaikan atau menyekutukan Allah dengan sesuatu yang lain. Dosa mensyirikkan dan menyekutukan Allah merupakan dosa yang paling besar yang tidak akan diampunkan oleh Allah selama-lamanya. Di dalam skrip *Tangan-tangan Yang Tinggal* karya Siti Jasmina Ibrahim, secara keseluruhannya kesemua watak yang ada merupakan penganut agama Islam yang mempunyai latar belakang agama yang kukuh. Di kampung tersebut terdapat seorang guru agama yang sangat dihormati. Namun setelah kematiannya, muncullah agenda-agenda baru yang dibawa masuk oleh salah seorang watak

untuk menyesatkan masyarakat kampung yang diikuti oleh dua watak yang lain sebagai pengikut setia Sali. Mereka-mereka ini cuba untuk menyesatkan manusia dengan ajaran yang tidak selari dengan tuntutan agama Islam. Bahagian ini menganalisis perbuatan mensyirikkan Allah melalui lisan, perbuatan, dan melalui kedua-duanya sekali.

Melalui Lisan

Siti Jasmina Ibrahim menonjolkan watak Sali yang mempunyai keinginan untuk dirinya diangkat dan dipuja secara jelas melalui lisan. Di dalam skrip *Tangan-tangan Yang Tinggal*, Sali mahu supaya orang kampung mempercayai ajaran baru yang dibawa olehnya. Sali tidak mahu lagi segala peninggalan ajaran yang pernah dibawa oleh Ustaz haji Al-Rashid diteruskan. Hal ini adalah kerana keraguan Sali terhadap ayahnya yang tidak mengutamakan Sali sebagai anak kandungnya dalam menggalas sebarang tanggungjawab mahupun mengetuai Wakaf Pemuda. Berikut merupakan contoh petikan skrip *Tangan-tangan Yang Tinggal*:

SALI : *Semua sudah bergerak, bertindak mengikut apa yang telah aku pelajari. Bukan dari abah aku, Ustaz Haji Al-Rashid. Sekarang yang mahu maju, yang mahu berubah ke cara baru, ialah sekitaran yang benar! Dan aku membawa yang baru dan benar itu di kampung ini. Dan aku akan menyampaikan yang sama di kampung, daerah dan negeri yang lain nanti! Bermula hari ini, kubah kaca itu yang akan aku turunkan. Simpan diam-diam. Bukan lagi kubah yang mahu diangkat, tapi aku. Aku yang dipercayai akan membantu semua!* (Siti Jasmina, 2020: 15)

Berdasarkan petikan skrip di atas, jelas menunjukkan bahawa Sali mensyirikkan Allah dan menolak segala ajaran benar yang ditinggalkan oleh ayahnya secara terang-terangan melalui lisannya. Hal ini menyebabkan Sali menjadi golongan yang terpesong daripada akidah Islam yang sebenar. Watak Sali di sini memperlihatkan bahawa dia terlibat dalam pembawaan fahaman sesat. Fahaman sesat merupakan ajaran atau amalan yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan as-Sunnah. Sali iaitu anak tunggal kepada Haji Al-Rashid membawa satu fahaman baru yang menyesatkan untuk disebarluaskan kepada penduduk kampungnya malah dia juga berniat ingin meluaskan fahamannya ke seluruh pelosok wilayah.

Siti Jasmina Ibrahim turut membawa imej mensyirikkan Allah melalui lisan pada watak Mansor. Penulis menggambarkan Mansor sebagai seorang yang pandai bermuka-muka. Mansor pada mata kasar dilihat sebagai pengikut setia Ustaz Haji Al-Rashid, tetapi dalam diam dia sebenarnya merupakan salah seorang pengikut Sali. Di sini watak Mansor dapat dilihat sebagai seorang yang dikatakan dalam dua muka. Hal ini dibuktikan melalui petikan skrip *Tangan-tangan Yang Tinggal* berikut

WAN AISYAH: *...Lelaki malang macam kau, macam Sali macam semua berjubah merah tu, sangat malang sebab dibutakan mata hati semua daripada mengenal jalan yang benar! Tak ada siapa boleh paksa aku!*

MANSOR : *Kau tak terdaya apa pun, Wan Aisyah. Tak ada siapa yang akan selamatkan kau. Salisaja penyelamat hidup kau sekarang, dan kalau Sali dah muak mungkin dia akan bagi aku?* (Siti Jasmina, 2020: 16)

Petikan di atas menunjukkan sifat sebenar Mansor yang merupakan orang dalam kepada Sali. Sikap dalam dua mukanya membuatkan rakan-rakannya tidak menyedari hakikat sebenar perangainya yang berpaling arah daripada ajaran Ustaz Haji Al-Rashid. Talam dua muka

membawa maksud individu yang berbuat baik kepada dua orang yang berseteru untuk tujuan keuntungan diri sendiri.erti kata lain bagi dalam dua muka ini adalah munafik iaitu orang yang sentiasa berada dalam keadaan berpura-pura.

Dalam petikan skrip tersebut, kata-kata Mansor menunjukkan bahawa dia mengagungkan Sali sebagai manusia yang sempurna dari segala sudut. Dia mengatakan kepada Wan Aisyah bahawa tiada yang mampu memberi kesenangan kepadanya melaikan Sali. Hal ini adalah kerana Sali merupakan seorang yang kaya dan mempunyai banyak harta. Menurut Mansor, sekiranya Wan Aisyah menikah dengan Sali maka hidupnya akan lebih terjamin kerana semestinya Sali akan memberi kesenangan kepada Wan Aisyah. Tetapi Wan Aisyah menafikan dan menolak bulat-bulat kesemua kata-kata Mansor kerana hakikat sebenar rezeki, kesenangan, jodoh, ajal dan maut semuanya adalah ketentuan Allah. Jelas di situ Mansor mensyirikkan Allah dengan cara mengagungkan manusia lain berbanding daripada Allah swt. Siti Jasmina Ibrahim mempercantikkan lagi jalan cerita apabila digambarkan pengkhianatan Mansor terhadap rakan-rakannya telah berjaya dihidu oleh salah seorang daripada Wakaf Pemuda iaitu Aman. Aman mencurigai setiap gerak-geri Mansor yang baginya banyak bermuka-muka dan tidak jujur. Hal ini dibuktikan melalui petikan skrip *Tangan-tangan Yang Tinggal*

- | | |
|------------|---|
| AMAN | <i>:Saya selidik hal Mansor seminggu sebelum arwah ustaz meninggal dunia. Gerak hati saya tepat, bila awal dulu saya rasakan cakap Mansor banyak bermuka-muka. Tak telus.</i> |
| IBU SUFIAH | <i>: Patutlah dulu, arwah ustaz pernah biar kan Mansor tanpa beri apa-apa peranan. Arwah biarkan saja sehingga Waris ada, Mansor rasa peranan yang sepatutnya dilakukan oleh Mansor tetapi diberi kepada Waris.</i> |
| AMAN | <i>: Ya, sebab itu, arwah ustaz pesan pada saya, jangan dikecam apa-apa Mansor ini, sehingga sampai masanya, muslihat Mansor akan terserlah sendiri, atas izin Allah juga. (Siti Jasmina, 2020: 18)</i> |

Bak kata pepatah, sependai-pandai tupai melompat akhirnya jatuh ke tanah jua. Peribahasa ini dapat dikaitkan dengan petikan skrip di atas. Muslihat Mansor telah berjaya dihidu oleh Ustaz Haji Al-Rashid semasa beliau masih ada. Watak Ustaz Haji Al-Rashid digambarkan sebagai seorang yang disegani dan bijak dalam membuat percaturan. Namun begitu, watak tersebut tidak diceritakan secara langsung kerana telah meninggal dunia dan hanya diceritakan melalui watak-watak lain sahaja. Ustaz Haji Al-Rashid dapat membaca tindak-tanduk perbuatan Mansor yang mencurigakan. Lantas Ustaz Haji Al-Rashid sengaja membiarkan Mansor tanpa diberi apa-apa jawatan dan tanggungjawab. Hal ini adalah kerana Ustaz Haji Al-Rashid mahu mengumpul segala bukti yang ada sebelum dipecahkan tembelangnya.

Dalam masa yang sama, Aman juga menyedari perkara tersebut. Aman telah menyiasat hal Mansor seminggu sebelum Ustaz Haji Al-Rashid meninggal dunia. Pada mulanya, rakan-rakannya di Wakaf Pemuda tidak mempercayai kata-kata Aman kerana risau perkara tersebut hanyalah syak wasangka sahaja. Mereka tidak mahu perkara tersebut menjadi satu fitnah yang nyata terhadap rakan seperjuangan mereka sendiri. Ternyata gerak hati Aman tidak salah. Pesanan daripada Ustaz Haji Al-Rashid juga benar yang menyatakan bahawa muslihat Mansor akan terserlah sendiri pada satu ketika nanti atas keizinan Allah. Di sini membuktikan bahawa perbuatan syirik kepada Allah tidak dilakukan secara terang-terangan namun pada satu ketika perbuatan itu akan terbongkar jua.

Melalui Perbuatan

Skrip *Tangan-tangan Yang Tinggal* turut memaparkan keadaan mensyirikkan Allah melalui perbuatan sahaja. Ini dapat dilihat melalui watak Korus yang sentiasa menghasut dan mengajak Sali ke arah ajaran yang terpesong daripada agama Islam. Berikut merupakan petikan skrip *Tangan-tangan Yang Tinggal* yang membuktikan perkara tersebut

KORUS : *Kamu sudah lama kami sediakan. Kamu sudah lama kami lahirkan sejak datang kamu ke benua sana. Sudah lama kami persiapkan untuk kamu pulang dan pincangkan siang jadi malam dan malam kekal menyesakkan sesiapa yang engkar.*

SALI : *Menyesatkan. Aku sudah bersedia!*

KORUS : *Kamu sudah lama bersedia. Sehingga jasadmu sepenuhnya milik kami. Sehingga hatimu sepenuhnya milik kami. Sehingga akalmu sepenuhnya dihujani kami.*

SALI : *Belum satu lagi mata aku ini.*

KORUS : *Tidak perlu yang bermata satu. Yang sedia ada sudah lama hatinya kami pupuk dengan warna leka. Kamu benar sudah bersedia. Kamu akan disanjung! (Siti Jasmina, 2020: 19)*

Berdasarkan petikan skrip di atas, jelas menunjukkan bahawa terdapat watak yang terpesong daripada agama Islam yang dizahirkan melalui perbuatan. Siti Jasmina Ibrahim membawa beberapa watak yang menunjukkan terdapatnya fahaman yang berbeza daripada agama Islam yang sebenar meskipun di kampung tersebut terdapatnya sekolah pendidikan pondok. Watak Korus digambarkan oleh penulis sebagai lelaki-lelaki berjubah merah yang merupakan dalang sebenar dalam membawa fahaman yang sesat. Mereka merupakan orang kuat Sali yang sentiasa meracuni fikiran Sali untuk melupakan ajaran yang telah dipupuk dan dididik oleh ayahnya iaitu Ustaz Haji Al-Rashid. Korus sentiasa berusaha dalam menghasut dan mempengaruhi fikiran Sali supaya menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Mereka sentiasa mereka-reka cerita dan melagakan Sali untuk membenci Waris kerana Waris menjadi orang kepercayaan ayahnya. Oleh itu, Korus mengambil peluang ini untuk menjadi batu api dan menyebarkan fitnah supaya menimbulkan sifat dengki dan iri hati dalam diri Sali. Di sini jelas membuktikan bahawa watak Korus merupakan salah satu watak yang melakukan perbuatan mensyirikkan Allah dan menghasut orang lain untuk melakukan hal yang sama.

Selain itu, Siti Jasmina Ibrahim turut mengetengahkan watak Sali sebagai seorang yang mensyirikkan Allah melalui perbuatan berdasarkan petikan skrip di atas. Watak ini merupakan salah satu watak protagonis dalam menghidupkan jalan cerita yang membawa unsur negatif. Berdasarkan petikan skrip di atas, Sali berazam untuk menyesatkan penduduk kampungnya. Hasutan, dorongan dan sokongan daripada pengikut setianya iaitu lelaki-lelaki berjubah merah menyebabkan Sali lebih bersemangat dan berkobar-kobar untuk menjatuhkan anak murid ayahnya. Hal ini adalah supaya dirinya diangkat menjadi ketua yang menggantikan tempat dan kedudukan arwah Ustaz Haji Al-Rashid.

Melalui Lisan dan perbuatan

Dalam skrip *Tangan-tangan Yang Tinggal*, Siti Jasmina Ibrahim turut memaparkan watak Sali yang secara terang-terangan mensyirikkan Allah melalui lisan dan juga perbuatan. Sali sedar masyarakat kampung menganggapnya membawa ajaran terpesong dan sesat. Tetapi dia masih merasakan ajaran yang dibawanya merupakan ajaran benar iaitu ajaran yang lebih bersifat universal. Sali percaya bahawa ajaran yang dibawanya ini lebih adil kerana memberi hak yang sama rata terhadap semua manusia. Sali juga beranggapan bahawa ajaran yang dibawa oleh ayahnya iaitu Ustaz Haji Al-Rashid untuk sentiasa sabar dalam menempuh segala ujian dan dugaan adalah satu tindakan yang merugikan diri sendiri. Baginya, orang yang selalu

bersabar tidak akan maju. Di sini dapat dilihat bahawa Siti Jasmina Ibrahim mengukuhkan lagi watak Sali yang mensyirikkan Allah bukan sahaja melalui lisan, tetapi juga melalui perbuatan. Mata hatinya telah buta daripada melihat kebenaran yang sebenar. Perkara ini dapat dilihat melalui petikan skrip *Tangan-tangan Yang Tinggal* seperti berikut

SALI : *Apa benda kau mengarut panjang lebar ni? Nak lawan aku, lawan saja. Bunuhlah aku kalau betul aku dah songsang, dah sesat kan? Kau cakap saja gegar. Aku tahu! Kau takkan mampu buat apa-apa pun. Kau gertak hebatlah. Tahu sebab apa? Sebab abah aku, arwah ustaz kau tu, dah pupuk satu perasaan yang melemahkan kau. Perasaan sabar! Sabar tu penyakit, tahu tak? Kau tak tahu kan? Penyakit tu... Sabar buat kau tertinggal jauh. Buat kau perlahan. Sabar buat kau lambat! Itu sebab aku tak mahu ikut ajaran dia. Aku ikut ajaran aku. Universal.* (Siti Jasmina, 2020: 19)

Berdasarkan petikan skrip di atas dapat dilihat bahawa Siti Jasmina Ibrahim memaparkan watak Sali yang merasa megah dan bangga diri dengan ajaran baru yang dibawanya itu. Perbuatan itu merupakan salah satu sifat yang perlu dijauhkan oleh seseorang Muslim iaitu perasaan bangga diri dan angkuh. Hal ini adalah kerana perasaan tersebut akan menimbulkan rasa riak dalam hati sekali gus memandang rendah kepada orang lain. Rasa riak dan takabbur merupakan penyakit hati terbesar dalam kalangan umat Islam.

Dalam skrip ini, watak Sali dilihat memperlekehkan dan merendahkan Waris melalui kata-katanya kerana Waris tidak tergamac untuk menyakiti Sali. Dia merasakan bahawa dia sudah menang dalam pertempuran ini. Sali percaya bahawa ajaran dan didikan yang dibawa oleh Ustaz Haji Al-Rashid menyebabkan pengikutnya lambat maju dan sentiasa tertinggal jauh di belakang. Bagi menghasut dan mengajak orang lain untuk mengikut ajarannya, Sali menasihati Waris untuk menerima ajaran baru yang dibawanya itu yang lebih bersifat terbuka dan universal supaya Waris lebih maju ke hadapan. Namun kata-kata dan hasutan Sali itu disangkal bulat-bulat oleh Waris seperti mana petikan skrip berikut

WARIS: *Orang yang bercakap tanpa landas iman memang macam sedap saja bunyinya, nampak macam waras sangat perlakunya, nampak macam tenang dan bijak, tapi aku tak terpedaya semua tu. Aku tahu orang yang hatinya sudah hitam, ilmu, pesanan ingatan yang boleh memercikkan nur takkan kau dapat! Kau yang malang, kau yang gagal, yang mundur! Islam memaknakan kehidupan kalau benar kita memahaminya. Bukan menyusahkan macam ajaran baru yang kau lalu ini.* (Siti Jasmina, 2020: 7)

Siti Jasmina Ibrahim menggambarkan watak Waris sebagai seorang yang dulunya kurang berpengetahuan mengenai ilmu agama Islam. Tetapi dengan didikan dan tunjuk ajar oleh Ustaz Haji al-Rashid, dia kini menjadi seorang yang berpegang teguh dengan ajaran Islam yang sebenar. Dengan mempelajari dan mendalami ilmu agama Islam ianya telah membuatkan sifat keimanan Waris lebih teguh dan berpendirian tetap. Keimanan amat penting dalam diri individu Muslim kerana dengan iman ianya dapat memandu seseorang dalam setiap perbuatan dan tingkah laku. Oleh yang demikian, segala hasutan daripada Sali untuk menjadikan Waris sebagai salah seorang pengikutnya tidak kesampaian.

Keyakinan dan Kepercayaan Berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah

Akidah yang benar adalah akidah yang bersumberkan kepada al-Quran dan as-Sunnah. Al-Quran dan as-Sunnah merupakan dua sumber yang paling utama dalam agama Islam.

Sekiranya seseorang individu Muslim berpegang teguh dengan al-Quran dan as-Sunnah nescaya dia tidak akan sesat selama-lamanya. Aspek ini dapat dikaitkan dalam skrip *Tangan-tangan Yang Tinggal* karya Siti Jasmina Ibrahim. Penulis skrip menunjukkan dua watak secara jelas bersandarkan lisan sahaja yang menunjukkan mereka berpegang teguh dengan al-Quran dan as-Sunnah. Antaranya ialah melalui watak Aman dalam petikan skrip di bawah:

AMAN : *Dalam mahu mengenal diri, kitab Al-Quran menyatakan bahawa sucikanlah diri. Tidak ada ahli psikologi atau psikoanalisis yang mampu menyelami semulajadi seseorang itu sepetimana apabila diri sendiri yang mahu menyucikan dan sedar akan hakikatnya. Ilmu dunia seperti sains, matematik ke, tidak akan datang sendiri semata-mata kita sudah suci diri. Ilmu perlu ditimba. Kita kena usaha. Duduk diam hanya berdoa, tidak lengkap pencarian peningkatan ilmu. Kau, aku ada sini. Kita dalam dunia sedar setelah jauh dulu kita jahil segala erti cinta akan Allah s.w.t. dan tidak pula kita diminta terus ada di sini statik, kosong. Sudah sedar kita, berada di laluan yang cerah, maka bekerjalah. Teroka alam. Faham kekuasaan Allah itu melalui segala yang ada di muka bumi ini, dan barulah kita yang sudah terisi pelbagai ilmu di dada nantinya, akan membawa kepada kesedaran.* (Siti Jasmina, 2020: 10)

Dalam petikan ini, jelas menunjukkan ilmu pengetahuan yang tinggi ditonjolkan dalam watak Aman. Segala ucapan yang dituturkannya padat dan berisi bukan hanya bercakap-cakap kosong sahaja. Al-Quran merupakan satu panduan yang lengkap yang terkandung di dalamnya semua urusan manusia. Bagi penganut agama Islam, al-Quran dan as-Sunnah merupakan dua sumber rujukan utama yang paling penting. Petikan ini membuktikan bahawa Aman berpegang teguh dengan ajaran al-Quran. Di sini menunjukkan bahawa pentingnya setiap individu untuk meneroka dan menimba ilmu sebanyak yang mungkin selagi mana ia tidak bercanggah dengan al-Quran dan as-Sunnah.

Selain itu, dalam petikan tersebut juga dapat difahami bahawa setiap ilmu perlu dicari dan ditelaah kerana ilmu tidak akan datang bergolek dengan sendirinya. Ilmu berkaitan dunia mahupun akhirat amat luas kerana tiada had dalam meneroka ilmu. Walau bagaimanapun setiap ilmu yang dipelajari mestilah selari dengan al-Quran dan as-Sunnah. Hal ini adalah kerana terdapat banyak ilmu yang mempunyai unsur-unsur untuk menyesatkan akidah manusia yang berlawanan dengan al-Quran dan as-Sunnah. Dengan mempelajari al-Quran dan as-Sunnah, ianya akan membuatkan individu mengenal kekuasaan Allah sekaligus dapat memantapkan akidah dalam diri sendiri.

Begitu juga dengan watak Raof yang turut menunjukkan bahawa dia berpegang teguh dengan al-Quran dan tidak berpaling darinya. Ini dibuktikan melalui petikan skrip *Tangan-tangan Yang Tinggal*

RAOF : *Macam pesan arwah ustaz Haji Al-Rashid. Begitulah pesannya. Al-Quran mukjizat lengkap. Ilmu dunia apa saja ada di dalamnya. Mahu atau tak mahu terletak pada kita untuk teroka.* (Siti Jasmina, 2020: 11)

Di sini jelas menunjukkan bahawa Raof sentiasa mengingati pesan guru mereka iaitu Ustaz Haji Al-Rashid yang menyatakan bahawa al-Quran merupakan satu mukjizat yang lengkap yang diturunkan sebagai wahyu kepada nabi Muhammad saw. Mukjizat adalah perkara yang luar biasa yang berlaku kepada para Nabi dan Rasul. Mukjizat tidak akan dimiliki oleh mana-mana manusia biasa kerana ianya adalah satu anugerah dan keistimewaan yang diberi oleh

Allah kepada para Nabi dan Rasul. Di dalam al-Quran terdapat banyak peristiwa dan kisah yang diceritakan termasuklah perkara yang berkaitan dengan ilmu kekeluargaan, perkara-perkara ghaib, kisah para Nabi dan Rasul dan yang berkaitan dengan seluruh alam.

Melalui petikan ini juga dapat dilihat bahawa Raof merupakan seorang individu yang taat pada ajaran gurunya iaitu Ustaz Haji Al-Rashid. Setiap perkara yang dikatakan oleh gurunya itu akan dipegang dan diamalkan. Raof sentiasa bersangka baik terhadap rakan-rakan seperjuangannya termasuklah kepada Mansor. Dia tidak menyangka bahawa Mansor berpaling tada daripada ajaran yang diberikan oleh guru mereka iaitu Ustaz Haji Al-Rashid dan menjadi salah seorang daripada pengikut Sali. Raof juga sentiasa mengingatkan rakan-rakannya yang lain untuk menjaga percakapan dan mengawal rasa amarah dan baran dalam diri. Di sini terbukti bahawa sikap Raof selari dengan apa yang diajarkan oleh al-Quran dan as-Sunnah. Siti Jasmina Ibrahim secara jelas memperlihatkan kepercayaan dan keyakinan yang teguh terhadap al-Quran dan as-Sunnah melalui lisan menerusi kedua-dua watak ini iaitu Aman dan Raof.

Kesimpulan

Aspek akidah yang ditonjolkan oleh Siti Jasmina Ibrahim dalam skrip *Tangan-tangan Yang Tinggal* adalah seperti keyakinan terhadap kewujudan, keesaan dan kekuasaan Allah, perbuatan mensyirikkan Allah, serta keyakinan dan kepercayaan yang berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah. Kesemua aspek ini dianalisis dan dinilai dari segi lisan dan perbuatan yang digambarkan oleh watak-watak yang dibina oleh Siti Jasmina Ibrahim dalam skrip *Tangan-tangan Yang Tinggal*. Perbincangan yang diterapkan di dalam skrip ini adalah bagi memberi gambaran umum tentang realiti sebenar kehidupan dalam kalangan masyarakat Melayu yang beragama Islam. Penulis turut menggambarkan keadaan masyarakat Islam di sebuah kampung yang berpecah-belah dan berlakunya konflik dalam kalangan mereka. Watak Sali yang jelas terpesong akidahnya daripada agama Islam dan mempunyai niat untuk menyebarkan fahaman dan dakyah sesatnya itu akhirnya kembali insaf dan mengakui keesaan Allah. Dengan Pendekatan Dakwah yang berhikmah dan bijaksana, akhirnya mereka semua kembali bersatu padu dalam menegakkan syiar Islam.

References

- Ahmad Munawar Ismail & Kamarul Azmi Jasmi (2016). *Akidah dan akhlak dalam pendidikan Islam*. Penerbit UTM Press.
- Asmah, H. (2014, 12 September 2021). *Nukilanku*. Pnasmahhashim.blogspot.com
- Asmah Hashim. (2021, 15 September 2021). Siti Jasmina berjiwa kental. <http://klikweb.dbp.my/?p=9532>.
- Che Abdullah, C. Y. (2018). Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu dalam Bedar Sukma Bisu daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu. *Jurnal Melayu*, 17(2), 328-342.
- Jumali, S. (2009). Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu dalam Menjaras Ribut Menerusi Pendekatan Dakwah. *Jurnal Pesonalia Pelajar*, 12,19-37.
- Mohd Firdaus, C. Y., & Normaliza, A. R. (2016). Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*, 4(2), 48-57.
- Nadia, I. & Kamariah, K. (2019). Aspek Dakwah dalam Novel Suriati Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu. *Malay Literature*, 32(1), 116-144.
- Nik Noorafifah, R., & Nur Afifah, V. A. (2020). Struktur Dramatik Tangan-tangan Yang Tinggal. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(1), 1-16.

- Hashim, A. (2002). Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya [Kertas Kerja]. Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka. Riviera Bay Resort, Melaka.
- Siti Jasmina Ibrahim. (2020). *Neo: Tangan-tangan yang tinggal*. Nusa Centre.